

# UMS bantu pelajar miskin

» 100 penuntut luar bandar lanjut pelajaran dikecualikan meritokrasi

Oleh Suzianah Jiffar  
suzianah@bh.com.my

■ Kota Kinabalu

**K**esusahan keluarga selepas bapanya meninggal dunia sedekad lalu mendorong seorang gadis mengubah masa depan menerusi pendidikan.

Syazana Farhana James, 20, dari Tawau, yang akan mengikuti pengajian Psikologi Kaunseling di Fakulti Psikologi dan Pendidikan Universiti Malaysia Sabah (UMS), gembira kerana berpeluang meneruskan pengajian ke menara gading.

"Ibu tidak bekerja tetapi perlu menyara kami enam daripada tujuh beradik yang masih bersekolah.

"Mujurlah kakak sulung bekerja sebagai jurujual dan ia meringankan tanggungan ibu yang turut menerima bantuan kebajikan.

"Peluang ini akan saya manfaatkan sepenuhnya," katanya ketika ditemui selepas pendaftaran dan majlis ramah-mesra bersama ibu bapa pelajar di



**Syazana (kanan) bersama Mohd Fadzle dan Ramla** pada sesi pendaftaran kemasukan pelajar baharu UMS sesi 2014/2015 di Kota Kinabalu, semalam.

[FOTO MALAI ROSMAH TUAH/BH]

sini, semalam.

Syazana adalah antara 100 pelajar kurang berkemampuan dari luar bandar yang berpeluang ke UMS menerusi tawaran kemasukan pelajar prasiswa isi rumah 40 peratus terendah.

Pelaksanaan kaedah pengambilan itu bertujuan memastikan pelajar kurang berkemampuan luar bandar mendapat hak melanjutkan pelajaran melalui pengecualian sistem meritokrasi.

## Harapan keluarga

Ramla Salim, 20, dari Batu 2, Tawau, terharu kerana impian

meneruskan pengajian tercapai akhirnya. Bercita-cita sebagai pendidik, Ramla mengikuti pengajian dalam Pembangunan Belia dan Komuniti di Fakulti Psikologi dan Pendidikan UMS.

"Peluang ini tidak akan disia-siakan kerana harapan keluarga tinggi menggunung," katanya yang kematian bapa ketika berusia 12 tahun.

Mohd Fadzle Kadir, 20, berkata impiannya menjadi akuntan semakin cerah selepas menerima panggilan dari UMS pada 29 Ogos lalu.

"Peluang ini membolehkan saya dan rakan yang kurang

berkemampuan meneruskan pengajian ke pusat pengajian tinggi," katanya anak muda dari Semporna ini dan mengikuti pengajian di Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan UMS.

Terdahulu pada sidang media, Naib Canselor UMS, Prof Datuk Mohd Harun Abdullah, berkata sejumlah 4,851 pelajar melanjutkan pengajian di UMS bagi kemasukan pelajar baharu sesi 2014/2015.

"Jumlah itu merangkumi seramai 1,992 pelajar dari Sabah, Semenanjung (2,295), Sarawak (399) dan pelajar antarabangsa (165)," katanya.